



PEMBERITAHUAN

(Ruj: PKP3/MPKangar/01)

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI OPERASI PERNIAGAAN PREMIS MAKANAN DAN AKTIVITI PENJAJAAN MAKANAN DALAM TEMPOH PKP FASA 3 DAN BULAN RAMADAN 1441H / 2020M

Berdasarkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3 dan peruntukan kuasa di bawah Sekyen 30 Akta Kerajaan Tempatan 1976, maka dengan ini Majlis Perbandaran Kangar (MPKangar) telah menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi operasi perniagaan premis makanan dan aktiviti penjajaan makanan dalam tempoh PKP Fasa 3 dan bulan Ramadan 1441H / 2020M seperti berikut :

I. **LARANGAN PENGANJURAN PASAR RAMADAN, PASAR TANI, PASAR MALAM DAN PASAR SEHARI ATAU SEBARANG AKTIVITI YANG SERUPA DENGANNYA**

Sebarang penganjuran sama ada secara fizikal atau atas talian (online) dan penggunaan tapak bagi aktiviti yang dinyatakan di **Para I** adalah **tidak dibenarkan** sama sekali kecuali yang telah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

II. **HAD KEBENARAN OPERASI PERNIAGAAN PREMIS MAKANAN DAN PENJAJAAN MAKANAN**

1. **Hanya premis makanan berlesen, penjaja makanan berlesen atau mempunyai permit perniagaan sementara sahaja** dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP Fasa 3 dan bulan Ramadan 1441H / 2020M tertakluk kepada syarat-syarat dalam pemberitahuan ini.
2. Aktiviti perniagaan premis makanan dan penjajaan makanan tanpa lesen atau permit adalah **tidak dibenarkan** sama sekali.
3. Pemegang Lesen Penjaja Pasar Malam/Pasar Sehari adalah **tidak dibenarkan** beroperasi sepanjang tempoh PKP dan bulan Ramadan 1441H / 2020M.

4. Semua **pengeluaran baru** lesen premis perniagaan makanan, lesen penjaja makanan dan permit perniagaan sementara adalah **dibekukan** sepanjang tempoh PKP dan bulan Ramadan 1441H / 2020M.

III. PREMIS MAKANAN BERLESEN

1. Hanya premis makanan berlesen dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP Fasa 3 dan bulan Ramadan 1441H / 2020M tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPKangar dari semasa ke semasa.
2. Pengendali makanan **WAJIB** mempunyai suntikan TY2 dan mempunyai sijil kursus pengendali makanan.
3. Waktu operasi perniagaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Sebelum bulan Ramadan	Mulai jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam
Dalam bulan Ramadan	Mulai jam 3.00 petang hingga 8.00 malam.

4. Kaedah jualan ialah jualan terus secara bungkus dan penghantaran sahaja. Kaedah jualan pandu lalu hanya dibenarkan bagi restoran makanan segera yang mempunyai perkhidmatan pandu lalu.
5. Premis makanan dibenarkan menjual makanan daripada pengedar (vendor) lain yang berlesen dengan syarat diletakkan label yang mengandungi nama, alamat dan nombor telefon pengedar pada bungkusan makanan tersebut.
6. Pemilik premis hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan dan kebersihan makanan yang dijual di premisnya.
7. Premis makanan hanya dibenarkan beroperasi dalam kawasan bangunan premis sahaja. Sebarang penambahan peralatan atau produk jualan di luar premis adalah **tidak dibenarkan**.
8. Pemilik premis hendaklah melaksanakan penjarakkan sosial (*social distancing*) 1 meter bagi setiap pembeli dan mengawal jumlah pembeli yang munasabah dalam satu-satu masa.
9. Pemilik premis dan pembantu hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri dan sentiasa memakai apron, penutup kepala serta penutup hidung dan mulut (*mask*) semasa mengendalikan makanan di premis.
10. Pemilik premis hendaklah memastikan sisa sampah yang terhasil semasa dan selepas aktiviti perniagaan dijalankan dilupuskan mengikut kaedah yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

11. Pemilik premis hendaklah memastikan kawasan tapak niaga sentiasa bersih semasa dan selepas perniagaan dijalankan.
12. Selain daripada perkara **1 hingga 11**, semua syarat pelesenan yang dikenakan sebelum ini adalah berkuatkuasa.

IV. PENJAJA MAKANAN BERLESEN

1. Hanya pemegang lesen / permit penjaja makanan (Lesen Meja Jualan, Lesen Kereta Sorong, Lesen Penjaja Bergerak sahaja) **sedia ada** dibenarkan beroperasi di dalam dalam tempoh PKP Fasa 3 dan bulan Ramadan 1441H / 2020M.
2. Pengendali makanan **WAJIB** mempunyai suntikan TY2 dan mempunyai sijil kursus pengendali makanan.
3. Waktu operasi perniagaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Sebelum bulan Ramadan	Mulai jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam
Dalam bulan Ramadan	Mulai jam 3.00 petang hingga 8.00 malam.

4. Kaedah jualan ialah jualan terus secara bungkus dan penghantaran sahaja. Kaedah pandu lalu **tidak dibenarkan**.
5. Penjaja dibenarkan menjual makanan daripada pengedar (vendor) lain yang berlesen dengan syarat diletakkan label yang mengandungi nama, alamat dan nombor telefon pengedar pada bungkusan makanan tersebut.
6. Penjaja hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan dan kebersihan makanan yang dijual di tapak penjajaannya.
7. Jumlah pekerja termasuk pemegang lesen / permit yang dibenarkan berada di tapak penjajaan adalah tidak melebihi 5 orang sahaja.
8. Lokasi aktiviti penjajaan adalah seperti yang tercatat di dalam lesen / permit sahaja. Pengoperasian di lokasi lain adalah **tidak dibenarkan**.
9. Luas tapak penjajaan maksimum yang dibenarkan adalah 10 kaki x 20 kaki sahaja. Pengoperasian melebihi had tapak adalah **tidak dibenarkan**.
10. Jarak antara satu tapak niaga dengan tapak niaga yang lain hendaklah sekurang-kurangnya 20 meter kecuali dengan mendapat kebenaran MPKangar.
11. Peralatan penjajaan hendaklah disimpan setiap hari selepas tamat tempoh perniagaan. **Tidak dibenarkan** meninggalkan sebarang peralatan di lokasi operasi.

12. Peniaga hendaklah melaksanakan penjarakkan sosial (*social distancing*) 1 meter bagi setiap pembeli dan mengawal jumlah pembeli yang munasabah dalam satu-satu masa.
13. Peniaga dan pekerja hendaklah sentiasa menjaga kebersihan diri dan sentiasa memakai apron, penutup kepala serta penutup hidung dan mulut (*mask*) semasa mengendalikan makanan di premis.
14. Peniaga hendaklah memastikan sisa sampah yang terhasil semasa dan selepas aktiviti perniagaan dijalankan dilupuskan mengikut kaedah yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berkaitan.
15. Peniaga hendaklah memastikan kawasan tapak niaga sentiasa bersih semasa dan selepas perniagaan dijalankan.
16. Pemegang lesen / permit hendaklah mengendalikan sendiri perniagaannya dan tidak boleh membenarkan pihak lain menggunakan lesennya. Pemegang lesen / permit hendaklah berada di lokasi perniagaan sepanjang masa operasi.
17. Selain daripada perkara **1 hingga 16**, semua syarat pelesenan yang dikenakan sebelum ini adalah berkuatkuasa.

V. PERMIT PERNIAGAAN SEMENTARA

1. MPKangar telah menjalankan banciaan bagi **penjaja yang telah beroperasi** sepanjang PKP Fasa 1 dan PKP Fasa 2. Penjaja yang dibanci ini adalah terdiri dari penjaja kecil makanan yang **telah beroperasi secara harian sahaja** sepanjang tempoh PKP telah berkuatkuasa.
2. Hanya penjaja yang telah dibanci sahaja diberikan Permit Perniagaan Sementara dan boleh beroperasi di dalam dalam tempoh PKP Fasa 3 dan bulan Ramadan 1441H / 2020M.
3. Sebarang permohonan lain **tidak akan dipertimbangkan**.
4. Kecuali bagi perkara **1 hingga 3** di atas, syarat lain bagi pemegang Permit Perniagaan Sementara adalah sama seperti di **Para IV**.

VI. PEMATUHAN, PENAMBAHAN DAN PINDAAN SYARAT

1. Semua pemilik premis dan penjaja berlesen/permit hendaklah **mematuhi semua syarat** yang ditetapkan oleh MPKangar dan/atau agensi penguatkuasaan lain yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan PKP.

2. Pihak MPKangar berhak untuk **menambah atau meminda** apa-apa syarat dalam pemberitahuan ini dari masa ke semasa.
3. Sebarang **pelanggaran syarat** yang dinyatakan dalam pemberitahuan ini adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa.

VII. PEMBATALAN LESEN ATAU PERMIT

1. Pihak MPKangar berhak **MEMBATALKAN SERTA MERTA** lesen atau permit sekiranya terdapat sebarang pelanggaran syarat operasi perniagaan atau terdapat sebarang aduan berasas daripada pihak berkuasa yang lain berkaitan aktiviti perniagaan ini atau terdapat kes keracunan makanan yang berpunca daripada premis/penjaja ini.
2. Walau apapun yang terkandung dalam perenggan **VII(1)**, MPKangar boleh membatalkan lesen atau permit **tanpa memberi apa-apa sebab**.

VIII. JUALAN PRODUK MAKANAN DALAM TALIAN (ONLINE)

1. MPKangar **tidak menetapkan** mana-mana platform khusus untuk aktiviti jualan dalam talian (online) dalam tempoh PKP Fasa 3 dan bulan Ramadan 1441H / 2020M.
2. Peniaga adalah bebas untuk memilih mana-mana platform jualan dalam talian (online) yang **sah** untuk urusan perniagaan masing-masing. Peniaga hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan tersebut.

IX. JUSTIFIKASI PARA I HINGGA VIII

1. Kerajaan Negeri dan MPKangar memahami kesukaran yang dialami oleh semua pihak akibat daripada pelaksanaan PKP khususnya kepada peniaga dan penjaja kecil.
2. Bagaimanapun kepentingan untuk mengawal jangkitan wabak Covid 19 adalah menjadi keutamaan tertinggi kepada Kerajaan Negeri dan MPKangar pada waktu ini.
3. Prosedur Operasi Standard ini diwujudkan adalah bertujuan untuk memastikan objektif PKP (pergerakan dan kontak minimum antara individu) dapat dicapai sekaligus menghindar daripada berlakunya bencana penyebaran wabak Covid 19 di Negeri Perlis.

4. Untuk mencapai objektif tersebut, aktiviti penjualan makanan terutama penjajaan perlu dihadkan dan dikawal untuk mengelakkan kewujudan kluster penjaja, meminimumkan perkumpulan orang ramai di lokasi aktiviti, memastikan kelancaran dan keselamatan lalulintas, menjaga kebersihan serta menjamin keselamatan makanan.
5. Kerjasama semua pihak untuk mematuhi semua arahan oleh pihak berkuasa adalah amat penting untuk memastikan keselamatan diri dan keluarga sepanjang tempoh PKP.
6. Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak kepada seluruh rakyat Negeri Perlis.

DENGAN PERINTAH :

***YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
20 APRIL 2020***